

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023



PELABURAN @ SCAM KEWANGAN?

Roseziahazni Abdul Ghani, A'tiqah Rashidah Abu Samah, Noor Malinjasari Ali & Zuraida Mohamad
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.

Emel Koresponden: roseziah@uitm.edu.my

MENURUT LAPORAN YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM), KES JENAYAH KOMERSIAL PADA TAHUN 2022 MENCATAT 30,536 KES MEMBABITKAN KERUGIAN BERNILAI RM1.73 BILION DENGAN TANGKAPAN 20,252 YANG MANA KEBANYAKAN JENAYAH KOMERSIAL YANG BERLAKU ADALAH BERPUNCA DARIPADA PENIPUAN DALAM TALIAN DAN PELABURAN SCAM. DI ANTARA SKIM PENIPUAN YANG POPULAR ADALAH SKIM EMAS, MATA WANG DIGITAL ATAU KRIPTO, SAHAM DAN PERNIAGAAN TUKAR BELI MATA WANG DALAM TALIAN (FOREX), SKIM CEPAT KAYA DAN SKIM PONZI.

Skim cepat kaya dan skim ponzi kebiasaannya dijalankan dengan menggambarkan bahawa mereka menjalankan pelaburan yang sah dari segi undang-undang dan menawarkan pulangan yang lumayan. Pelbagai cara penipuan dijalankan oleh pihak scammer dalam menjalankan kerja-kerja penipuan pelaburan termasuklah dengan memaparkan iklan di media sosial bagi memperdaya pelabur menerusi pakej pelaburan sama ada melalui promosi dalam talian atau bersemuka dengan menjanjikan pulangan yang tinggi oleh perancang utama penipuan iaitu firma klon. Pelabur juga dijanjikan dengan pelaburan bebas risiko dan selalunya berfungsi seperti sistem piramid.

Berikut dikongsikan 4 panduan untuk mengenalpasti skim penipuan pelaburan ini:

1 Semak status perlesenan seseorang individu atau syarikat pelaburan

Untuk mengelakkan daripada ditipu oleh scammer, sifu saham jadian atau lain-lain penipu, adalah penting untuk kita berurusan dengan individu atau syarikat yang telah diberikan lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

SC adalah sebuah badan yang ditugaskan oleh Kementerian Kewangan untuk mengawal selia semua individu yang diberi lesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, serta mengawasi dan memantau operasi institusi pasaran, termasuk bursa.

Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana individu atau syarikat yang menerima deposit tanpa lesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA 2013) atau di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), kedua-duanya diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Kelangsungan pelaburan scam ini bergantung kepada pengambilan pendeposit baharu, iaitu dana yang diperoleh daripada pendeposit baharu akan digunakan untuk membayar dividen kepada pendeposit atau pelabur sedia ada. Oleh itu, skim ini akan gagal apabila tiada sumbangan dana daripada pendeposit baharu.

2 Fahami tahap risiko pelaburan yang ditawarkan

Tidak kira apa jenis pelaburan yang ditawarkan sama ada secara bersemuka atau melalui media sosial seperti Telegram, Instagram, Facebook dan lain-lain sumber, anda perlu bijak untuk menilai sesuatu risiko pelaburan.

Kebanyakan scammer menjanjikan pulangan yang tinggi dan tanpa risiko untuk setiap pelaburan yang mereka tawarkan. Konsep pelaburan adalah mudah 'High Risk, High Return, Low Risk, Low Return'. Oleh itu sekiranya dijanjikan pelaburan tanpa risiko, anda perlu berwaspada, jangan mudah percaya pada pelaburan 'too good to be true'. Mana mungkin mereka boleh menjanjikan keuntungan tinggi yang lebih tinggi daripada mana-mana institusi pelaburan atau kewangan yang telah cemerlang dan boleh dipercayai yang telah lama bertapak dalam dunia pelaburan. Anda mungkin sasaran mudah si penipu tersebut.

nombor akaun bank atau telefon yang diberikan pernah digunakan untuk tujuan scammer atau tidak melalui portal Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu sistem CCID PDRM yang boleh diakses melalui pautan berikut <https://semakmule.rmp.gov.my>. Orang awam juga boleh memuat turun aplikasi Truecaller sebagai semakan awal terhadap penipuan-penipuan melalui telefon.

Bakal pelabur juga boleh membuat semakan menyeluruh atau menganalisa sejarah firma dan pelan pelaburan yang diberikan sebelum membuat keputusan untuk melabur dengan menyemak pada senarai syarikat yang dipantau dan diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) seperti:

- Bank Negara Malaysia – Financial Consumer Alert
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia – List of Unauthorised Websites / Investment Products/ Companies / Individuals

3 Fahami tahap risiko pelaburan yang ditawarkan

Pemegang amanah adalah individu atau organisasi yang bertanggungjawab mentadbir kedua-dua aset alih dan tidak alih, seperti emas dan deposit, mengikut dasar dan prosedur yang telah ditetapkan pada masa aset diberikan kepada mereka. Akibatnya, tanpa kelulusan pemegang amanah, pemilik atau pengarah syarikat tidak dibenarkan menggunakan harta yang diamanahkan mengikut budi bicara mereka. Oleh itu, amat penting sebelum membuat sebarang bayaran atau deposit, anda memeriksa syarikat pelaburan berkenaan mempunyai pemegang amanah yang boleh dipercayai dengan memeriksa surat ikatan yang merujuk kepada kewajipan dan hak setiap tiga pihak iaitu pelabur, pemegang amanah dan pengurus dinyatakan dalam surat ikatan (dokumen undang-undang yang dimeterai antara pengurus dan pemegang amanah, dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti).

4 Berurusan hanya dengan institusi kewangan berlesen dan 'dealer' yang sah.

Semak dengan pihak berkuasa yang berkaitan seperti SC dan BNM sebelum melabur atau menandatangani sebarang duit anda ke dalam akaun mereka. Semakan boleh dibuat menerusi Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMTELELINK) di talian 1300 88 5465 atau melalui laman sesawang <http://fraudalert.bnm.gov.my>. Orang awam juga boleh menyemak sama ada

Walaupun banyak pendedahan yang dilakukan oleh pelbagai pihak, tetapi masih ramai pihak yang percaya dan terjebak dengan pelaburan scam. Jangan biarkan keinginan untuk mendapatkan duit dengan cepat dan mudah memaksa kita untuk bertindak bodoh dan jatuh ke dalam perangkap scammer. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu meningkatkan pemahaman mereka tentang perancangan kewangan dan ilmu pelaburan. Namun begitu, untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat yang diperlukan, mereka perlu belajar dari sumber yang boleh dipercayai dan berurusan dengan individu atau syarikat yang menjalankan perniagaan secara sah yang telah diberikan lesen oleh SC.

Rujukan

- [1] Cara Check Scammer Online Melalui Portal PDRM (Semakmule), Dimuat turun pada 26 Februari 2023 daripada <https://www.ecentral.my/check-scammer/>
- [2] 4 Langkah Mudah Untuk Semak Status Pelesenan Individu Atau Syarikat,, Dimuat turun pada 26 Februari 2023 daripada <https://www.majalahlabur.com/pelaburan/4-langkah-mudah-untuk-semak-status-pelesenan-individu-atau-syarikat>
- [3] Waspada Terhadap 'Scam' Kewangan (Bahagian 1) Dimuat turun pada 26 Februari 2023 daripada <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/02303ee3-667e-fd7d-8511-d3a46212ade1/>
- [4] 2022 Catat Kerugian RM1.73 bilion Akibat Jenayah Komersial. Dimuat turun pada 26 Februari 2023 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/01/1047716/2022-catat-kerugian-rm1.73-bilion-akibat-jenayah-komersial>



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com